

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 27, 2019 5:02 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Food Bank Dan On-Campus Jobs Bantu Ringankan Bebanan Pelajar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

27 MAC 2019 / 20 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

FOOD BANK DAN ON-CAMPUS JOBS BANTU RINGANKAN BEBANAN PELAJAR



UUM ONLINE: Bagi mengelak pelajar 'ikat perut' sepanjang tempoh pengajian di sini, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melancarkan program *Food Bank* dan *On-Campus Jobs* pada Majlis Santai Bersama Naib Canselor di Dewan TM, semalam.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, pengurusan universiti peka dengan nasib pelajar khususnya dari golongan B40, justeru UUM dengan usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), syarikat swasta dan pusat tanggungjawab (PTJ) mengadakan *Food Bank* iaitu Program Bantuan Makanan Pelajar bagi meringankan beban kewangan mereka.

Menurutnya, pelajar akan diberikan baucar makanan yang mana mereka boleh menggunakan baucar tersebut di kafe di Inapan Siswa (Inasis) dan juga pusat pengajian bagi mendapatkan bantuan makanan tersebut.

Manakala bagi program *On-Campus Jobs*, Naib Canselor berkata: "Pelajar akan dibenarkan untuk membuat kerja sambilan di universiti dengan kadar maksimum 15 jam seminggu per pelajar.

"Program ini akan dimulakan pada April depan dan tawaran tersebut akan diperluaskan kepada syarikat dan perniagaan yang beroperasi di dalam kampus UUM," katanya.

Naib Canselor berkata, semua program yang disediakan UUM itu menunjukkan bahawa pihak universiti tidak pernah mengabaikan kebajikan pelajar, malah memberi peluang kepada mereka untuk mencari duit dengan bekerja secara sambilan dalam kampus.

Sementara itu, pelajar, Muhamad Firdaus Mohmmad dari Pusat Pengajian Antarabangsa berkata, dia menyambut baik inisiatif yang dilakukan pengurusan universiti dalam membantu pelajar yang kurang berkemampuan, bukan sahaja dari aspek bantuan makanan malah membantu mereka untuk mendapatkan wang perbelanjaan dengan bekerja secara sambilan.

Menurutnya, dia berharap program seperti itu akan diteruskan pada masa akan datang dan semua pelajar seharusnya merasa bersyukur kerana berada di UUM yang sentiasa prihatin dengan keperluan pelajar.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.